

MSM PRAI: PENUH SEJARAH, MEMBANGUN BERSAMA NEGARA

Selama lebih enam dekad, MSM Prai telah melindungi keperluan gula negara sambil menyokong komuniti dan memacu pertumbuhan Malaysia

KUALA LUMPUR, 17 SEPTEMBER 2025 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka Malaysia “Gula Prai”, terus memainkan peranan penting dalam menjaga keterjaminan makanan domestik dan menyokong pertumbuhan negara. Melalui anak syarikatnya, MSM Prai Berhad (MSM Prai), MSM dan Gula Prai telah menjadi tunjang industri gula negara selama lebih enam dekad.

Ketika rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia baru-baru ini, perjalanan MSM turut berkembang seiring dengan lahirnya negara. Ditubuhkan pada tahun 1964, MSM Prai muncul sebagai kilang penapisan gula pertama milik tempatan di Malaysia, dengan matlamat untuk menjadikan negara berdikari dalam pengeluaran gula — satu komoditi penting untuk semua. Inisiatif berpandangan jauh ini dalam memastikan keterjaminan makanan telah mendahului zamannya, meletakkan asas kukuh yang terus melindungi bekalan gula negara dan menyokong pertumbuhan Malaysia hingga ke hari ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Hasni Ahmad berkata “Dikendalikan sepenuhnya oleh 100% tenaga kerja tempatan, terutamanya dari Pulau Pinang dan Kedah, MSM Prai telah sekian lama menjadi pemangkin ekonomi setempat, sambil memacu pertumbuhan mampan dan memperkasa komuniti sekitarnya.”

“Sebagai sebahagian daripada Ahli Kumpulan FGV, yang kini merupakan entiti swasta di bawah FELDA, MSM secara tidak langsung dimiliki oleh para peneroka FELDA, sekali gus mengukuhkan peranannya sebagai sebahagian daripada ekosistem Kumpulan FELDA. Hubungan ini turut diperkukuhkan melalui Koperasi Permodalan FELDA (KPF), yang memegang saham ketiga terbesar dalam MSM, mewakili kepentingan bersama komuniti FELDA,” tambah Hasni.

Penjajaran ini menggariskan tanggungjawab MSM untuk menyumbang kepada kesejahteraan dan pemeraksanaan ekonomi peneroka FELDA, yang mata pencarian mereka berkait rapat dengan pertanian mampan dan pembangunan luar bandar. Dengan

menyokong pulangan yang adil, peluang pasaran yang stabil, serta inisiatif pertumbuhan jangka panjang, MSM memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf sosioekonomi peneroka, di samping memastikan keterjaminan makanan negara melalui industri gula tempatan yang kukuh dan berdaya tahan.

Pengerusi FELDA, Ybhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Chek, telah merasmikan pelancaran Gula Prai Edisi Khas FELDA semasa lawatannya ke MSM Prai, kilang penapisan gula terbesar di Malaysia. Dihasilkan oleh MSM, edisi khas ini sebagai penghormatan kepada peneroka FELDA, mengiktiraf dedikasi mereka yang tidak berbelah bahagi dan sumbangan tidak ternilai sebagai tulang belakang pertumbuhan dan pembangunan negara.

Turut hadir Pengerusi FGV, Tan Sri Rastam Mohd Isa, Pengerusi KPF, En Fakhrunniam Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV dan Pengerusi KPF merangkap Timbalan Ketua Pengarah FELDA, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, bersama wakil pengurusan kanan FELDA, FGV, dan MSM.

"Pengeluaran dan bekalan Gula Prai, yang juga dikenali sebagai Gula Peket Hijau, kekal stabil dan mencukupi bagi memenuhi permintaan dalam negara, selaras dengan mandat yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Di bawah mandat ini, MSM bertanggungjawab memastikan bekalan bulanan sebanyak 24,000 metrik tan serta Stok Penimbun Negara sebanyak 32,000 metrik tan bagi gula kasar dan halus, bagi menjamin ketersediaan yang konsisten dan berterusan di pasaran tempatan. MSM telah menunaikan tanggungjawab ini dengan penuh komitmen walaupun berdepan cabaran peningkatan kos pengeluaran utama," ujar Hasni.

Pada masa ini, industri gula tempatan terus menerima insentif sebanyak RM1 sekilogram bagi Gula Kasar dan Gula Halus sejak November 2023. Berbanding dengan kos pengeluaran sebenar, insentif RM1/kg hanyalah titik pulang modal untuk mengekalkan operasi industri gula. Tanpa insentif tersebut, penetapan harga siling gula akan menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi yang ketara, seperti yang dibentangkan di Parlimen pada tahun 2023, di mana didedahkan bahawa kos penapisan akan mengakibatkan kerugian sebanyak RM0.88 bagi setiap kilogram.

Selain daripada peningkatan kos pengeluaran, pengeluar gula tempatan turut berdepan persaingan sengit daripada gula import yang lebih murah dan tidak terkawal dari negara jiran. Pengeluar gula tempatan kekal komited untuk bekerjasama rapat dengan pihak kerajaan dalam memperkukuh kawal selia terhadap gula bertapis, termasuk Permit Kelulusan (AP) dan Permit Import (IP). Bagi melindungi industri gula tempatan yang terkenal dengan kualiti, keselamatan dan piawaian Halal yang terjamin, adalah penting untuk

menangani impak gula import, khususnya dari Thailand, di mana amalan lambakan menjadi cabaran besar kepada pengeluar tempatan.

Sejak tahun 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara yang terkemuka dan berada di antara 10 kilang penapisan terbaik di dunia. Pertumbuhan MSM disokong oleh rangka kerja ESG yang mantap yang disepadukan sepenuhnya ke dalam perniagaan dan operasi.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2024, MSM mengeluarkan sebanyak 1,104,290 MT gula bertapis, di mana 258,932 MT adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 28 Jun 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM830 juta pada 31 Disember 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com